

Perkenal keunikan rumah

Setiap sebuah rumah menceritakan kehebatan kerja tangan yang bermutu tinggi

>>Oleh Hartini Mohd Nawi
tini@hmetro.com.my

LATAR keunikan Kampung Budaya 1Malaysia di Menara Kuala Lumpur antara tarikan utama pelancong asing dan tempatan.

Apatah lagi berkunjung ke Menara Kuala Lumpur lebih bermakna kerana bukan sekadar mata disajikan pemandangan indah keseluruhan kota metropolitan, malah pengalaman berbeza di Kampung Budaya 1Malaysia sukar diungkapkan.

Kewujudannya bagaikan sebuah perkampungan budaya yang menggamit kunjungan kerana lokasinya di tengah-tengah kemodenan Kuala Lumpur.

Terletak di kaki Menara Kuala Lumpur dan berkeluasan 21,840 persegi, Kampung Budaya 1Malaysia diwarnai rekaan unik replika rumah tradisional di negara ini.

Ia membabitkan rumah Kedah, Johor, Perak, Selangor, Pahang, Terengganu, Kelantan, Melaka, Negeri Sembilan, Sarawak dan Sabah.

Menyusuri jambatan

gantung yang dibina khas bersulam landskap semula jadi menghijau ternyata kunjungan ke lokasi tarikan itu tidak sia-sia.

Pengalaman merentasi di jambatan gantung itu cukup membuatkan hati anda melonjak-lonjak untuk terus ke Kampung Budaya 1Malaysia.

Menurut Ketua Pegawai Eksekutif Menara Kuala Lumpur, Zuraidah Mohd Said, kewujudan Kampung Budaya 1Malaysia itu mempromosikan keunikan rumah tradisional yang terdapat di Malaysia khususnya kepada pelancong asing.

"Malah, pengaruh Parsi, Arab dan Eropah dapat dilihat pada reka bentuk rumah-rumah berkenaan sekali gus menterjemahkan nilai estetika tersendiri.

"Berada di sini anda berpeluang merasai sepenuhnya pengalaman dan mengenali budaya setiap negeri di negara ini secara lebih mendalam," katanya.

Bermula dengan latar landskap hijau dibarisi pelbagai tanaman terpilih, replika rumah tradisional itu tidak hanya tersergam indah kerana hanya tersergam indah kerana maklumat berkenaan material




BAGAIKAN KEDIAMAN SEBENAR... binaan dan persekitaran diwarnai masyarakat negeri itu sendiri.



MENANTI KUNJUNGAN...
rumah Sabah penuh diketengahkan dengan nilai estetika tersendiri.


PENUH PERLAMBAKAN...
perincian binaan diketengahkan.



KREATIF...tangga buluh kukuh tanpa dipahat paku.



TAHAN LASAK...material binaan berlatarkan kayu yang kukuh.



SERI KEHIDUPAN...setiap penataan landskap dan ruang dalam diperincikan menepati rumah tradisional sebenar.

tradisional

etro 217/2011 6/15.



SENTUHAN BERBEZA...latar keindahan bumbung Minangkabau curi perhatian.



ADA FUNGSI...rasai pengalaman berbeza.

dan kebudayaannya turut diperibadikan.

Dari binaan tangga, ruang dalaman hingga siling, ia hakikatnya menzahirkan keindahan berbeza dengan latar kehidupan masyarakatnya.

Binaan rumah kayu khususnya negeri Semenanjung Malaysia diterapkan sepenuhnya dengan ukiran indah motif pilihan dengan perlambangan tersendiri.

Kehebatan rumah berasaskan jalinan rotan pula menzahirkan suasana kebudayaan dan kehidupan masyarakat di Sabah dan Sarawak.

Ia juga membuktikan kreativiti masyarakat negara ini yang pelbagai dalam merencanakan pembinaan kediaman, landskap dan kebudayaan masing-masing.

Kesederhanaan, praktikal dan material berasaskan hasil rimba memperlihatkan kepada umum bahawa masyarakat negara ini mempunyai kekuatan khususnya dari segi corak kehidupan.

Perancangan teliti dilakukan

dengan membina ruang santai di tengah rumah-rumah tradisional itu untuk membenarkan pengunjung menghayati sepenuhnya suasana di situ.

Kesinambungan budaya dan corak kehidupan masyarakat di setiap negeri turut menjadi perhatian termasuk mengisi kegiatan masa lapang dengan permainan tradisional.

"Tarikannya terus dipelbagaikan menerusi kunjungan menyusuri rumah tradisional sambil menyaksikan persembahan harian Kumpulan Kesenian Menara Kuala Lumpur iaitu tarian kebudayaan, instrumen muzik gamelan, muzik asli dan nyanyian lagu tradisional.

"Pengunjung juga berpeluang mencuba permainan rakyat seperti congkak, sepak raga dan batu seremban yang disediakan," katanya.

Zuraidah berkata lokasi berkenaan turut sesuai untuk semua jenis majlis termasuk makan malam, majlis koktel dan majlis perkahwinan gilang

gemilang.

Lapangkan waktu anda untuk berkunjung ke situ kerana Pesta Negeri Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur kini berlangsung sehingga 17 Julai ini.

Sebelum itu Pesta Negeri Terengganu @ Menara Kuala Lumpur turut diadakan yang memberi peluang masyarakat tempatan dan antarabangsa mengetahui lebih mendalam mengenai kebudayaan, kesenian dan produk tempatan.

Selepas ini Kampung Budaya 1Malaysia bakal dimeriahkan dengan Pesta Negeri Johor pada 24 September hingga 2 Oktober ini, Pesta Negeri Sarawak pada 29 Oktober hingga 6 November ini.

Diakhiri Pesta Negeri Sabah pada 28 November hingga 11 Disember 2011 ini sementara Pesta Negeri@Menara Kuala Lumpur bagi Negeri Sembilan, Pahang, Melaka, Kelantan, Perlis, Pulau Pinang, Kedah dan Selangor bakal diadakan tahun depan.